

D382

U B839 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH R R R

KUALA LUMPUR, 2 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN DIIRINGI OLEH SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK MOHAMED RAHMAT, SEMASA PERTEMUAN DENGAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH.

PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU DIPUTUSKAN OLEH MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI, YANG TURUT MEMBERIKAN MANDAT KEPADANYA UNTUK MENGADAKAN PERTEMUAN ITU.

TIDAK ADA SYARAT ATAU AGENDA KHUSUS DITETAPKAN OLEH UMNO BAGI PERTEMUAN ITU, YANG BERTUJUAN MEMBINCANGKAN MENGENAI PERPADUAN MELAYU, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT HAMPPIR TIGA JAM ITU DI MENARA DATUK ONN DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA TARIKH PERTEMUAN ITU BELUM DITENTUKAN TETAPI BELIAU YAKIN IA DIADAKAN TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU BERKATA DATUK MOHAMED AKAN TURUT MENGHADIRI PERTEMUAN ITU UNTUK TUJUAN MENCATAT REKOD. -- LAGI
1606MST 02 12 89

D383

U B840 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK MOHAMED JUGA TELAH DIMINTA MENGHUBUNGI TENGGU RAZALEIGH BAGI MENETAPKAN TARIKH PERTEMUAN ITU.

KETIKA PEMBERITA MENYATAKAN BAHAWA PARTI SEMANGAT 46 TIDAK MAHU PERTEMUAN ITU DIADAKAN DI PEJABAT PERDANA MENTERI ATAU KEDIAMAN BELIAU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA TIDAK MENGAPA ASALKAN PERTEMUAN ITU TETAP DIADAKAN.

PENASIHAT PARTI SEMANGAT 46, TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA, TELAH MENCADANGKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR SEMASA PERTEMUAN MEREKA PADA 12 NOV LEPAS SUPAYA BELIAU DAN TENGGU RAZALEIGH, YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN GUA MUSANG, BERJUMPA BAGI MEMBINCANGKAN SOAL PERPADUAN MELAYU.

SELAIN ISU PERTEMUAN ITU, MAJLIS TERTINGGI JUGA MEMBINCANGKAN SOAL PERLETAKAN JAWATAN BERSYARAT LAPAN ORANG ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR DARIPADA MCA DAN PERLETAKAN SENJATA PARTI KOMUNIS MALAYA. -- BERNAMA

1608MST 02 12 89